

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT KEDUA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGGALAN CHEPA]**

SOALAN :

Dr Haji Izani Bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) Status pembangunan rumah (PGBF) Rumah Generasi Baharu FELDA mengikut negeri, meliputi bilangan yang telah diluluskan ; dan
- (b) Bilangan yang sudah siap dibina dan bilangan yang gagal siap mengikut tempoh yang ditetapkan.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut merupakan status pembangunan Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) yang sedang dalam pelaksanaan mengikut negeri dan wilayah FELDA;

Negeri	Wilayah FELDA	Jumlah
Pahang	Jengka	1,270
	Mempaga	240
	Kuantan	1,904
Negeri Sembilan	Raja Alias	1,683
Johor Bahru	Johor Bahru	1,499
	Segamat	680
Perak	Trolak	214
Kedah	Alor Setar	80
Perlis	Alor setar (Laka Selatan)	300
Terengganu	Terengganu	300
Kelantan	Gua Musang	300
JUMLAH		8,470

Sebanyak 2,374 unit PGBF telah hampir siap dan permohonan untuk unit ini telah dibuka kepada warga peneroka di kawasan rancangan yang terlibat. Pemilihan juga sedang dilakukan di beberapa kawasan untuk memilih bakal pembeliyang layak. Baki sebanyak 6,096 unit pula sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan dan dijangka disiapkan secara berperingkat dari 2016 sehingga 2017.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

SOALAN :-

Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN [PENGKALAN CHEPA] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah terkini yang memohon Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) dan adakah Kementerian sedia mempertimbangkan untuk membuka semula permohonan selepas permohonan fasa pertama tamat pada Jun.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM200 juta bagi Skim MyDeposit untuk tahun 2016 yang akan memberi faedah kepada pembeli rumah pertama yang berkelayakan. Kerajaan akan terus komited untuk meneruskan pelaksanaan Skim MyDeposit setiap tahun, tertakluk kepada keupayaan kewangan yang disediakan kepada Kementerian.

Untuk rekod, dari 6 April 2016 sehingga 30 April 2016, Kementerian telah menerima sebanyak 3,609 permohonan yang lengkap.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
SOALAN : NO. 307

Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah penyelesaian Kementerian terhadap seramai 1.25 juta peminjam PTPTN yang telah disenaraikan di bawah Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat (CCRIS).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN telah menyediakan 74 cawangan PTPTN di seluruh negeri dan Pusat Khidmat Pelanggan (Careline) untuk memudahkan peminjam yang mempunyai tunggakan bayaran balik dan disenaraikan di bawah Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat (CCRIS) hadir berunding dengan PTPTN .

Antaran penyelesaian yang diambil adalah peminjam PTPTN boleh membuat bayaran balik melalui penstrukturan semula hutang dengan amaun berasaskan kemampuan bagi tempoh tidak melebihi umur 60 tahun, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Selain itu, PTPTN juga turut membuat penawaran pertukaran Skim Pembiayaan Pendidikan daripada pinjaman konvensional dengan kos pentadbiran 3 peratus kepada pinjaman Ujrah dengan upah 1 peratus.